

## **PESTA KELUARGA KUDUS YESUS, MARIA DAN YOSEP (C)**

Sirakh 3:2-6. 12-14; Mazmur 127 (128): 1-5. R/ v. 1; Kolose 3:12-21 Lukas 2:41-52

### **Tema: KELUARGA BAHAGIA DAN KUDUS**

1. Berkat Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada kamu semua! Krismas adalah pesta yang sangat besar sehingga kita merayakannya selama lapan hari! Hari oktaf (Hari kelapan) Krismas akan jatuh pada hari Tahun Baru, apabila kita merayakan Hari Raya Bunda Maria, Ibu Allah! Tetapi musim Krismas hanya berakhir dengan Pembaptisan Tuhan pada 13hb Januari 2013!

Krismas, Epifani dan Pembaptisan Tuhan semuanya adalah penampakan Tuhan! Krismas, manifestasi kepada orang berdosa (Gembala); Epifani, manifestasi kepada semua bangsa (orang Majus); dan Pembaptisan Tuhan, manifestasi Tuhan sebagai Putera dan Hamba Allah!

Itulah sebabnya mengapa, selain dari Yesus, Maria dan Yosep, palungan kita ada gembala (Krismas), orang Majus (Epifani), dan awan putih yang melambangkan Allah Bapa dan burung merpati putih yang melambangkan Roh Kudus Allah (Pembaptisan Tuhan)!

Sekali lagi, Berkat Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada kamu semua! Hari ini kita merayakan pesta Keluarga Kudus Yesus, Maria dan Yosep, Tahun Liturgi C!

Keluarga Kudus Yesus, Maria dan Yosep adalah kudus, sebab Allah adalah Bapa dan Yesus adalah Putera Allah yang dilahirkan melalui kuasa Roh Kudus! Keluarga kita juga adalah kudus sebab dalam Pembaptisan Allah menjadi Bapa kita dan kita menjadi anak-anak Allah yang dilahirkan melalui kuasa Roh Kudus! Gereja menjadi Ibunda kita dan Yesus saudara kita dan kita menjadi saudara dan saudari kepada satu sama lain!

Injil hari ini memberitahu kita bahwa Yesus pada masa unmurNya dua belas tahun dan telah hilang dalam bait di Yerusalem selama tiga hari, dan apabila Maria dan Yosep menjumpai-Nya semula dan bertanya kepada-Nya mengapa Dia telah melakukannya itu; Yesus menjawab bahwa Dia harus melakukan kerja Bapa-Nya! (CSB) Dalam kata lain, Yesus adalah Putera Allah!

Injil juga memberitahu kepada kita bahwa Yesus juga adalah seorang manusia. Injil memberitahu kepada kita bahwa Yesus telah tinggal bersama Maria dan Yosep di Nazaret selama tiga puluh tahun! Kita tiada mendengar tentang Yesus selama tiga puluh tahun! Kita hanya mendengar tentang Yesus selama tiga tahun-Nya, tiga tahun terakhir-Nya! Senyap dalam masa tiga puluh tahun di Nazaret Yesus telah membesar secara fizikal, mental dan rohani dalam Keluarga Kudus! (Fuller)

Anak-anak kita juga harus membesar secara fizikal, mental dan rohani dalam keluarga kudus! Keluarga adalah sel masyarakat dan Gereja tempatan! Jika keluarga kita berpecah maka masyarakat kita dan Gereja kita juga akan berpecah!

2. Bacaan pertama juga memberitahu kita mengenai keluarga. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai tugas kita terhadap ibu bapa kita, terutama apabila mereka sudah tua dan sakit! Bacaan pertama memberitahu kita bahwa jika kita menghormati ibubapa kita seperti mana Hukum Keempat memberitahu kita melakukannya, Allah akan memberkati kita! Kita akan bahagia bersama anak-anak kita sendiri, dosa kita akan diampuni, Allah akan mendengar doa kita, kita akan hidup berpanjangan dan sehat, dll.!

3. Mazmur antarbacaaan juga memberitahu kita tentang keluarga. (CSB; NJB; HCSB) Mazmur antarbacaaan memberitahu kita bahwa jika kita menghormati Tuhan dan berjalan dalam jalan-Nya, kita akan rasa puas, kita akan menjadi kaya dan bahagia; dan pasangan kita akan menjadi subur dan kita akan mempunyai banyak anak! Dengan itu sahutan dan rangkap pertama dan kedua adalah:

“Berbahagialah orang yang takwa kepada Tuhan, yang hidup menurut jalan yang ditunjukkan-Nya. Bila engkau memetik hasil jerih payahmu, berbahagia dan sejahteralah engkau. Isterimu subur dalam rumahmu bagaikan pohon anggur, anak-anakmu mengeliling mejamu bagai tunas zaitun.” (Mzm 127 (128): 1-3; SM)

4. Bacaan kedua juga memberitahu kita tentang keluarga. Bacaan kedua mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama dan kedua memberitahu kita akan kehidupan orang Kristian secara umumnya, iaitu kita harus mencintai, memaafkan, berterima kasih kepada Allah, dll. Rangkap ketiga memberitahu kita tentang keluarga Kristian! Dengan itu kita baca dalam rangkap ketiga:

“Hai Isteri-isteri, tunduklah kepada suamimu, sebagaimana seharusnya di dalam Tuhan. Hai Suami-suami, kasihilah isterimu dan janganlah berlaku kasar terhadap dia. Hai Anak-anak taatilah orang tuamu dalam segala hal, karena itulah yang indah di dalam Tuhan. Hai Bapa-bapa, janganlah sakiti hati anakmu, supaya jangan tawar hatinya.” (Kol 3:18-21; SM)

Pendeknya, isteri-isteri kasihilah suami kamu, suami-suami kasihilah isteri kamu; anak-anak kasihilah ibubapa kamu, ibubapa kasihilah anak-anak kamu!

5. Cadangan untuk keluarga yang kudus dan bahagia:

(i) Sebuah Keluarga harus makan bersama sekurang-kurangnya sekali dalam sehari, lebih baik pada masa makan malam. Tiada tontonan tv, internet, hand-fon, dll., semasa makan malam.

(ii) Sebuah Keluarga harus berkomunikasi, iaitu, ahli keluarga harus berbual atau bercakap antara satu sama lain dan mendengar kepada satu sama lain. Komuni dan komuniti bermula dengan komunikasi!

(iii) Sebuah Keluarga itu harus berdoa bersama setiap hari. Keluarga yang berdoa bersama tinggal bersama!

(iv) Ibubapa harus mengajar iman mereka kepada anak-anak mereka, terutama dalam Tahun Iman ini. Selain dari Alkitab dan bacaan-bacaan Misa Kudus Mingguan, ibubapa harus menggunakan YOUCAT, iaitu Youth Catechism of the Catholic Church (Katekismus Belia Gereja Katolik)

(v) Keluarga harus milik KED (Komuniti Eklestial Dasar) dari beberapa keluarga. Mereka harus bertemu sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan untuk sokongan, perkongsian, berdoa, makan, dll. KED adalah panjangan keluarga Kristian!

(vi) Keluarga harus bermain bersama, senam bersama, mengadakan rekreasi bersama, pergi keluar bersama, pergi bercuti bersama, dll.!

(vii) Atuk dan nenek tidak seharusnya di hantar ke rumah orang tua dan cucu-cucu harus seharusnya jangan dihantar ketempat asuhan kanak-kanak! Atuk dan nenek boleh menjaga cucu-cucu mereka!

(viii) Sebuah Keluarga itu harus pergi Misa Kudus setiap hari Minggu dan jika boleh bergiat dalam perkongsian Alkitab, Pertemuan Doa, KED (Komuniti Eklestial Dasar), Neo-Catechumenal Komuniti, Kursus Alfa, dll., pada hari-hari biasa!

(ix) Keluarga itu harus terbuka kepada kehidupan, iaitu, tiada pencegah kehamilan, penguguran, dll.!

(x) Sebuah keluarga harus menjaga dan menetapkan Hari Minggu itu kudus. Minggu itu adalah untuk Tuhan dan untuk sebuah keluarga itu, bukan untuk bekerja dan bukan untuk wang! (Sri Paus Benedict XVI)

(xi) Bapa keluarga harus pulang ke rumah untuk mengatasi "sindrom ketiadaan bapa". Dan dia harus bukan sahaja secara fizikal hadir; dia juga harus hadir secara emosi.

(xii) Panjangan Keluarga, iaitu, sepupu, anak kemenakan lelaki dan perempuan, pakcik dan makcik, dll., harus selalu datang bersama sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk makan, minum dan fellowship bersama, dll.

Sukacita dan Keluarga Kudus untuk kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Apakah keluarga kamu gembira? Mengapa keluarga kamu gembira? Mengapa keluarga kamu tidak gembira? Adakah keluarga kamu kudus? Mengapa keluarga kamu kudus? Mengapa keluarga kamu tidak kudus?
2. Percayakah kamu bahawa Allah adalah Bapa kamu, Gereja adalah Ibu kamu, Yesus adalah saudara kamu, dan kita adalah saudara dan saudari kepada satu sama lain?
3. Adakah keluarga kamu berdoa bersama? Adakah keluarga kamu menghadiri Misa Kudus pada setiap hari Minggu? Adakah keluarga kamu menghadiri pertemuan doa, kursus Alfa, Perkongsian Alkitab, kED, Pertemuan Komuniti Neo-Katekumenal, dll., pada hari biasa?
4. Adakah ahli keluarga kamu berkomunikasi di antara satu dengan yang lain? Adakah keluarga kamu makan bersama setiap hari? Adakah bapa kamu pulang ke rumah?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); New Jerusalem Bible (NJB); HarperCollins Study Bible (HCSB); Sunday Missal (SM).